

# Bahasa Inggeris mungkin diwajibkan

**P** KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan mungkin mengkaji untuk menjadikan Bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) jika pencapaiannya terus merosot, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kalau keadaan terus merosot, mungkin kita terpaksa mengkaji untuk menjadikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa wajib," katanya.

Setakat ini, hanya Bahasa Malaysia menjadi mata pelajaran wajib sebagai syarat utama calon untuk lulus SPM.

Bagaimanapun, menurut Perdana Menteri, kerajaan belum membuat sebarang keputusan berhubung perkara itu sebelum mengkaji secara terperinci mengenai kelema-

han pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam SPM.

Semalam, Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) mencajangkan supaya Bahasa Inggeris dijadikan mata pelajaran wajib untuk meningkatkan penguasaan bahasa itu di kalangan pelajar.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, beliau bimbang dengan kemerosotan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran itu.

"Di zaman moden ini, pengetahuan dalam satu bahasa sahaja tidak mencukupi. Lagipun Bahasa Inggeris sudah diiktiraf sebagai bahasa antarabangsa," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Operasi Pungutan Zakat Secara Korporat di sini.

Perdana Menteri berkata, pelajar dan rakyat akan rugi jika tidak dapat menguasai Bahasa Inggeris yang memang sudah diiktiraf sebagai bahasa antarabangsa dalam pelbagai bidang.

"Sehubungan itu, saya berharap tindakan diambil oleh Kementerian Pendidikan, guru dan ibu bapa untuk meningkatkan pencapaian Bahasa Inggeris di kalangan pelajar pada masa depan," ujarnya.

Ditanya sama ada kemerosotan pencapaian Bahasa Inggeris berpunca daripada kelemahan pentadbiran Kementerian Pendidikan atau masalah prestasi kerja guru berikutan kekeliruan skim dua perkhidmatan gaji, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, semua perkara diambil kira.